

13/05/2000

`Formula Kubang Pasu' bantu kejayaan tiga Naib Presiden?

Kadir Dikoh

KIRA-KIRA dua jam sebelum keputusan pemilihan bagi jawatan Naib Presiden Umno diumumkan, malam kelmarin, ramalan mengenai tokoh yang menang mulai tersebar luas. Ada yang tepat dan ada pula yang tersasar.

Nama Naib Presiden yang baru diumumkan jam 9:10 malam dengan rasmi menunjukkan Datuk Seri Najib Tun Razak meraih undi tertinggi iaitu 1,289, diikuti Tan Sri Muhammad Muhd Taib (853 undi) dan Tan Sri Muhyiddin Yassin (813 undi).

Pemerhati berpendapat antara faktor yang menyumbang kemenangan kepada Muhammad atau lebih dikenali dengan panggilan `Mike Tyson' dan Muhyiddin ialah apabila undi berpecah berikutan ketidaksepakatan di kalangan Menteri Besar dan Ketua Menteri - senario yang jauh berbeza berbanding beberapa pemilihan sebelum ini.

Kali ini, empat Menteri Besar dan Ketua Menteri bertanding iaitu Datuk Abdul Ghani Othman (Johor), Datuk Seri Abu Hassan Omar (Selangor), Datuk Seri Abu Hassan Omar (Selangor) dan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad (Negeri Sembilan) - semuanya tewas.

Gelaran `Kelab Menteri Besar/Ketua Menteri' yang sebelum ini begitu berpengaruh bagaikan sudah tidak wujud lagi. `Mereka lazimnya berkompromi dan memilih salah seorang daripada mereka untuk bertanding naib presiden. Kini, mereka bertembung sesama sendiri, menyebabkan undi berpecah, sekali gus membuka peluang kepada Muhammad dan Muhyiddin," kata seorang perwakilan dari Selangor.

Kemenangan ketiga-tiganya juga mengulangi sejarah 1993 yang ketika itu, Muhyiddin memperolehi undi tertinggi, diikuti Najib dan Muhammad.

Sesetengah pihak mengaitkan kemenangan Muhammad kerana kesetiaannya kepada parti meskipun diberhentikan daripada jawatan Menteri Besar Selangor serta `direhatkan' daripada jawatan Naib Presiden buat seketika sebelum ini kerana kes mahkamah yang dihadapinya. Beliau juga dikatakan bekerja kuat dan turun ke padang untuk menemui ahli parti di setiap negeri selepas dibenarkan menjalani semula tugasnya selaku naib presiden sejak awal tahun ini.

Kenyataannya selepas diumumkan menang malam kelmarin, jelas menggambarkan hakikat itu, apabila Muhammad yang ditanya pemberita mengenai kemungkinankemenangan itu akan membolehkannya dilantik untuk memegang jawatan pada peringkat Persekutuan berkata: "Saya tidak pasti, saya boleh jadi imam dan saya boleh jadi makmum. Jika jadi makmum, saya akan jadi makmum yang baik".

Sebelum ini, ada pihak menjangkakan riwayat politik bekas Menteri Selangor itu akan berakhir selepas pemilihan kali ini tetapi kemenangannya adalah satu dramatik meskipun menjadi calon tunggal jawatan naib presiden yang tidak memegang sebarang jawatan dalam kerajaan. Malah beliau sudah tidak lagi menjadi seorang wakil rakyat.

Ada yang menyatakan bahawa kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai Melayu baru, dua minggu lalu turut memberi kesan positif kepada Muhammad yang memang terkenal dalam usahanya mahu memperkenalkan konsep itu selama ini.

Secara kebetulan juga Najib, Muhammad dan Muhyiddin dicalonkan oleh Umno Kubang Pasu, bahagian yang diketuai Dr Mahathir pada mesyuarat perwakilan 30 Mac lalu, yang turut dilihat oleh sesetengah pihak sebagai `pilihan Presiden' meskipun ketiga-tiganya dipilih menerusi undian sulit apabila senarai tujuh nama calon dicadangkan.

"Walaupun Dr Mahathir tidak membuat arahan kepada bahagiannya untuk memilih tiga calon itu, andaian sebagai `pilihan Presiden' tetap ada. Perdana Menteri menyerahkan kepada perwakilan untuk membuat keputusan. Bayangkan, salah seorang calon naib presiden `berkampung' di Kubang Pasu sehari sebelum mesyuarat bahagian semata-mata mahu namanya antara tiga calon naib presiden dari bahagian itu. Akhirnya beliau tak dapat," kata seorang perwakilan dari Kedah.

Begitu pun, masih ada yang mengaitkan kemenangan itu sebagai `formula Kubang Pasu' atau kebangkitan semula pasukan wawasan kerana Umno Permatang Pauh yang pernah diketuai oleh Datuk Seri Anwar, turut mencalonkan Najib, Muhyiddin dan Muhammad untuk jawatan naib presiden pada mesyuarat bahagian itu sebelum ini.

Pemerhati pula melihat kemenangan Muhyiddin sebagai balasan kerja kuat serta prestasi cemerlangnya menjalankan tugas di Kementerian Belia dan Sukan sebelum ini dan kini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Kejayaan Malaysia menganjurkan Sukan Komanwel pada 1998, turut memberi kredit kepadanya.

Walaupun sebelum ini Muhyiddin tidak mempunyai kedudukan dalam MT, beliau tetap menunjukkan kesetiaannya kepada Umno. Malah kata pemerhati, dakwaan Muhyiddin bahawa wujud usaha untuk menyekat bahagian-bahagian di Johor daripada mencalonkannya, turut meraih simpati di kalangan perwakilan.

"Muhyiddin ketika menjadi Menteri Besar sebelum ini tidak pernah membuat sekatan seumpama itu. Dakwaan bahawa beliau turut berbuat demikian ketika itu adalah silap kerana dalam pemilihan sebelum ini, calon naib presiden cuma perlukan dua pencalonan untuk layak, berbanding 17 pencalonan sekarang," katanya.

Yang pasti kata seorang perwakilan dari Sabah, prestasi cemerlangnya sebagai Menteri menjadi ukuran dan pengumumannya baru-baru mengenai penurunan harga ayam, meskipun perkara kecil tetapi popular serta diterima baik oleh perwakilan.

"Kita melihat pengumuman itu amat penting bagi orang Melayu dan Bumiputera. Perkara remeh seperti ini sebenarnya menyentuh hati golongan bawahan dan kami adalah golongan bawahan," kata seorang perwakilan dari Sabah, negeri yang mempunyai perwakilan kedua paling banyak selepas Perak.

Kemenangan itu juga adalah hadiah hari lahir Muhyiddin yang ke-53 Isnin ini. "Kemenangan ini adalah kemenangan Umno. Ini satu amanat dan satu tanggungjawab yang tidak seharusnya membuat kita sombong. Kita harus bersyukur dan insaf. Ini satu tanggungjawab yang harus kita pikul kerana tugas ini berat," kata Muhyiddin.

Bagaimanapun, ada yang berpendapat bahawa sesetengah penyokong calon sendiri mengambil ringan cabaran Muhammad dan Muhyiddin yang dianggap cuma sebagai light weight.

"Ini menyebabkan mereka anggap calon mereka heavy weight kerana mendapat pencalonan banyak dan dengan itu turut berkempen supaya melonggokkan undi bagi calon kedua dan ketiga kepada Muhammad dan Muhyiddin, dengan tanggapan kedua-duanya tidak berbahaya atau mengancam kedudukan calon heavy weight.

Bagi Najib, 47, keupayaan mengekalkan jawatan Naib Presiden bagi kali ketiga sudah dijangkakan. Beliau yang mula menjadi Ahli Parlimen ketika berusia 23 tahun, yang termuda, dilihat sebagai tokoh muda yang berpotensi dan berpengalaman.

"Sejak hari pertama lagi, Najib dilihat sebagai calon pasti untuk naib presiden dan jauh mendahului yang lain dari segi pencalonan (150 pencalonan). Orang melihat Umno ada sedikit masalah kepemimpinan pelapis dan sebab itu, sokongan padu diberikan kepadanya. Usianya yang lebih muda daripada calon lain, juga menambat hati generasi muda," katanya.

Oleh sebab itu juga, sebarang congkak mengenai siapa boleh menang untuk tiga jawatan naib presiden, tidak berbelah bagi kepada Najib, tetapi dua lagi tempat menjadi teka teki. Ada yang menggunakan singkat "NGO" yang membawa maksud "Najib, Ghani dan Osu", "NGR" (Najib, Ghani dan Rais) atau "NST" (Najib, Syed Hamid dan Mat Taib).

Mengulas kemenangannya, Najib berkata; "Saya menerima dan menghormati keputusan perwakilan. Nampaknya, perwakilan ingin memberi peluang kepada mereka yang ada kesempatan untuk menjalankan kerja parti, mereka memberi kepercayaan kepada muka-muka yang pernah menyandang jawatan naib presiden," katanya merujuk kepada kemenangan Muhyiddin.

Mengenai 25 tokoh yang memenangi jawatan MT pula menunjukkan kombinasi baik antara mereka yang berpengalaman dan muka baru. Kemenangan Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN), Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi; Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis; bekas Menteri Kebajikan, Datuk Shahrir Samad dan Pengerusi Eksekutif KUB Malaysia, Datuk Hassan Harun, menunjukkan ahli Umno mahu perubahan pada peringkat pembuat dasar dengan menggunakan kepakaran yang ada kepada mereka ini. Mereka ini adalah tokoh korporat kecuali Shahrir yang menjalankan perniagaan biasa - kedai dobi.

Kehadiran tokoh kewangan seperti Abdul Azim, calon tunggal Pemuda Umno, adalah suntikan darah muda dalam Umno. Kemenangan tokoh kewangan, Datuk Dr Shafie Salleh boleh digandingkan dengan Datuk Mustapa Mohamad bagi membantu memantapkan lagi ekonomi negara. Mustapa, yang memperolehi undi kedua terbanyak (1,628) dan kini penasihat di Kementerian Kewangan, dilihat sebagai antara tokoh berpotensi yang boleh diketengahkan.

"Beliau (Mustapa) berkebolehan dalam segala bidang - ekonomi, agama dan pengurusan. Beliau juga mempunyai keperibadian tinggi serta masih muda. Beliau adalah calon berpotensi untuk naib presiden pada pemilihan 2003," kata seorang penganalisis politik.

Dalam pemilihan bagi jawatan MT kali ini, Ketua Menteri Melaka, yang memperolehi undi terbanyak (1,647) meraih sokongan kerana keberaniannya membuat pelbagai pendedahan termasuk isu kakitangan bank yang mendedahkan rahsia pelanggan menyebabkan kerajaan Melaka mengeluarkan simpanan berjuta ringgit daripada dua bank tempatan, khidmat doktor dan peguam yang dilantik oleh kerajaan secara kontrak tetapi menyokong pembangkang ditamatkan kontrak dan larangan terhadap pegawai kerajaan negeri itu melakukan lawatan rasmi ke Kelantan dan Terengganu, diterima balik oleh perwakilan.

Kemenangan Barisan Nasional (BN) di Sanggang melonjakkan nama Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob. Kemenangan Datuk Ahmad Zahid Hamidi pula dilihat sebagai sokongan kepadanya setelah beliau dimaafkan selepas tersasul langkah.

Kemenangan Datuk Dr Helmi Yahya, yang dilantik sebagai Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang enam bulan lalu, juga satu suntikan baik untuk Umno. Anak Tanjung ini pernah melahirkan idea pragmatik untuk Umno bagi menangani masalah semasa dan menjalin hubungan lebih kerap dengan rakyat peringkat bawahan melalui sasaran lima kelompok iaitu pelajar, belia, wanita, veteran dan kumpulan agama.

Bagaimanapun, agak mengejutkan apabila perwakilan menolak semua calon wanita iaitu Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Datuk Maznah Hamid, Datin Paduka Zaleha Ismail, Dr Nurraesah Mohamad dan Raja Ropeaah Raja Abdullah.

Kepada calon yang menang kali ini, mereka perlu renungi kenyataan Dr Mahathir dalam sidang akhbar pada hari pertama perhimpunan iaitu sokongan padu kepada calon tertentu, tidak bermakna mereka yang menang akan kekal memegang jawatan kerana sentimen mungkin berubah pada pemilihan akan datang.

(END)

